

CNS4638

U GR 17-05 00183 RA554

Aah

Mahathir - Czech

T.

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia kini boleh melakukan lawatan sosial ke Republic Czech and Slovak tanpa visa ekoran perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua negara di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Czech and Slovak Dr Marian Calfa yang sedang melawat negara ini, menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu selepas mengetuai perwakilan masing-masing untuk rundingan dua hala di pejabat Perdana Menteri di sini.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Luar Czech and Slovak Martin Palous menandatangani perjanjian itu bagi pihak negara masing-masing.

Ketika memberi taklimat kepada pemberita kemudian, Timbalan Ketua Setiausaha (1) Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali berkata perjanjian itu akan membawa kepada lebih banyak pertukaran lawatan dan kerjasama ekonomi antara rakyat kedua-dua buah negara.

+Sebelum ini, semua rakyat Malaysia yang hendak melawat Czechoslovakia diperlukan mempunyai visa, + kata beliau. Menurut perjanjian itu rakyat Malaysia yang melakukan lawatan sosial bagi tempoh hingga tiga bulan ke republik itu tidak lagi memerlukan visa. -- Lagi.

♥17/05/19-35MST

CNS4678

U GR 17-05 00164 RA559

Rah

Mahathir - Czech 2 Kuala Lumpur

Datuk Abdul Halim menerangkan bahawa perjanjian itu bagaimanapun merupakan pengecualian yang tidak sepenuhnya kerana penghapusan visa yang sepenuhnya bermakna seseorang tidak memerlukan visa untuk melawat sesebuah negara asing bagi sebarang tempoh masa dan tidak memerlukan visa khas untuk tujuan pekerjaan.

Beliau berkata kedua-dua kerajaan sedang berusaha mengadakan perjanjian untuk mengelakkan cukai berganda dan jaminan pelaburan yang diharap dapat ditandatangani tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Dr Calfa sebelum itu mengadakan sesi perbincangan selama 30 minit dan mereka bertukar-tukar pendapat mengenai pelbagai isu termasuk cara untuk meningkatkan hubungan dua hala.

Dr Calfa menerangkan beberapa lapangan yang memberi peluang kepada pelaburan Malaysia di republik itu seperti keluli, barangan kejuruteraan, kejenteraan ladang dan penjana tenaga, kata Datuk Abdul Halim.

Negara itu berminat untuk mula membeli petroleum dari Malaysia dan terus mengimport getah asli Malaysia, yang kini merupakan 40 peratus daripada keperluan mereka, katanya. -- Lagi.

♥17/05/20-10MST

CNS4694

R GR 17-05 00140 BA563

Bah

Mahathir - Czech 3 Kuala Lumpur

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara bagi tahun lepas ialah kira-kira \$70 juta. Malaysia mengeksport barangan bernilai \$49.5 juta, terutama getah asli.

Dr Calfa memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir bahawa republik itu sedang berusaha untuk menyertai Kesatuan Eropah dan dijangka menandatangani satu perjanjian bagi taraf anggota sekutu tidak lama lagi, kata Datuk Abdul Halim.

+Datuk Seri Dr Mahathir memahami alasan mereka hendak menyertai EC tetapi menyatakan harapan agar negara itu akan menggunakan pengaruhnya untuk memastikan yang EC tidak akan mengamalkan dasar perlindungan.+

+Dr Calfa bersetuju yang dasar perlindungan tidak akan membawa faedah jangka panjang,+ tambah beliau.

Sementara itu Dr Calfa dalam persidangan akhbar selepas pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir, menjelaskan selanjutnya tawaran Czech and Slovak untuk menggalakkan hubungan perdagangan. -- Lagi.

♥17/05/20-33MST

CNS4695

R GR 17-05 00110 BA564

Bah

Mahathir - Czech 4 Kuala Lumpur

Katanya negara itu telah menawarkan teknologi untuk membina loji tenaga hidro mini dan berkata Malaysia menunjukkan reaksi yang positif terhadapnya.

Beliau berkata negaranya juga bersedia menyertai projek siap guna di Malaysia.

Dr Calfa berkata Czech and Slovak juga bersedia membekalkan bahan-bahan binaan, trak, bas dan kapal kepada Malaysia.

Beliau berkata negaranya sedang menimbang untuk mengimport minyak mentah Malaysia dan barangan elektrik.

Dr Calfa, yang sebelum itu menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, berkata Seri Paduka telah menerima undangan Presiden Czech and Slovak Vaclav Havel untuk melawat negara itu. -- Bernama.

♥17/05/20-34MST

CNS4694

R GB 17-05 00140 RA563

Bah

Mahathir - Czech 3 Kuala Lumpur

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara bagi tahun lepas ialah kira-kira \$70 juta. Malaysia mengeksport barangan bernilai \$49.5 juta, terutama getah asli.

Dr Calfa memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir bahawa republik itu sedang berusaha untuk menyertai Kesatuan Eropah dan dijangka menandatangani satu perjanjian bagi taraf anggota sekutu tidak lama lagi, kata Datuk Abdul Halim.

+Datuk Seri Dr Mahathir memahami alasan mereka hendak menyertai EC tetapi menyatakan harapan agar negara itu akan menggunakan pengaruhnya untuk memastikan yang EC tidak akan mengamalkan dasar perlindungan.+

+Dr Calfa bersetuju yang dasar perlindungan tidak akan membawa faedah jangka panjang,+ tambah beliau.

Sementara itu Dr Calfa dalam persidangan akhbar selepas pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir, menjelaskan selanjutnya tawaran Czech and Slovak untuk menggalakkan hubungan perdagangan. -- Lagi.

♥17/05/20-33MST

CNS4695

R GB 17-05 00110 RA564

Bah

Mahathir - Czech 4 Kuala Lumpur

Katanya negara itu telah menawarkan teknologi untuk membina loji tenaga hidro mini dan berkata Malaysia menunjukkan reaksi yang positif terhadapnya.

Beliau berkata negaranya juga bersedia menyertai projek siap guna di Malaysia.

Dr Calfa berkata Czech and Slovak juga bersedia membekalkan bahan-bahan binaan, trak, bas dan kapal kepada Malaysia.

Beliau berkata negaranya sedang menimbang untuk mengimport minyak mentah Malaysia dan barangan elektrik.

Dr Calfa, yang sebelum itu menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, berkata Seri Paduka telah menerima undangan Presiden Czech and Slovak Vaclav Havel untuk melawat negara itu. -- Bernama.

♥17/05/20-34MST